

## **ASPEK REALISME MAGIS DALAM NOVEL CEBISAN MANTERA TERAKHIR**

*(ELEMENTS OF MAGICAL REALISM IN THE NOVEL  
“CEBISAN MANTERA TERAKHIR”)*

**Eizah Mat Hussain**  
eizah@um.edu.my

**Siti Nur Anis Muhammad Apandi**  
sitinuranis1988@gmail.com

**Nurhasyimah Saidin**  
syimasuhana@gmail.com

Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu,  
Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

Received: 15th September 2022; Accepted: 4th October 2022; Published: 29th October 2022

### ***Abstract***

*Magical realism, which combines reality and fantasy, has become a trend in the world of literature, sparking a new way of thinking while producing a literary work. Studies on magical realism in literature are crucial as they could reflect the cultural and societal norms of the society featured. This article utilised the theory of magical realism by Faris (2004) to discuss the aspect of magical realism presented in the novel “Cebisan Mantera Terakhir” (2013) by Hasanuddin Md. Isa and published by the Malaysian Institute of Translation and Books (ITBM). The genre of the novel is classified as mystery or mysticism in the setting of a supernatural world where shamans practise “santau” (a type of black magic) in the Malay community. This qualitative study aims to identify and analyse the way the author depicts magical realism through content analysis of the text. Findings showed that the magic element in the form of “santau” was evident in the Malay community featured in the novel. The application of Faris’s principles showed the clear connection between reality and the magical elements of “santau” which can be categorised into particular aspects of the text, such as objects, events, characters, beliefs and texts. Religion and beliefs are also inseparable from the Malay community, a factor portrayed as a connection between reality and the supernatural worlds.*

**Keywords:** *magical realism, novel, Cebisan Mantera Terakhir, shaman, santau, black magic*

## **Abstrak**

Kemunculan aliran realisme magis dilihat melalui gabungan antara dua dunia, iaitu dunia nyata dan dunia fantasi yang membawa pemikiran baru dalam karya sastera. Penelitian terhadap realisme magis dalam suatu karya sastera sangat penting kerana pada dasarnya realisme magis merupakan satu cerminan atau refleksi yang nyata mengenai budaya dan sosial masyarakat. Kajian ini mengaplikasikan Teori Realisme Magis oleh Faris (2004) untuk memperlihatkan aspek realisme magis dalam novel *Cebisan Mantera Terakhir* (2013) karya Hasanudin Md Isa dan diterbitkan oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad (ITBM). Novel ini memaparkan genre misteri atau mistik yang menerapkan elemen dunia ghaib dan golongan pawang yang terlibat dalam kegiatan santau dalam masyarakat Melayu. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis aspek realisme magis dalam novel yang memperlihatkan bagaimana pengarang mengungkapkan elemen realisme magis dalam karya. Kajian ini dilakukan secara kualitatif dengan membuat analisis kandungan teks. Dapatan kajian ini jelas menggambarkan unsur magis yang dapat dikesan dalam amalan santau dengan berlatarkan masyarakat Melayu. Penggunaan prinsip-prinsip oleh Faris (2004) telah menonjolkan perhubungan yang jelas antara unsur realiti dan unsur magis dalam amalan santau itu dengan adanya pembahagian kepada kelompok-kelompok tertentu, iaitu objek, peristiwa, watak, kepercayaan, teks, dan sebagainya. Dalam masyarakat Melayu, konteks agama dan kepercayaan tidak dapat diasingkan dalam tradisinya yang turut dipaparkan sebagai satu perkaitan antara alam nyata dan alam ghaib.

**Kata Kunci:** realisme magis, novel, *Cebisan Mantera Terakhir*, pawang, santau

## **Pengenalan**

Penggunaan unsur realisme dalam karya oleh penulis bertujuan untuk merujuk kepada perkara-perkara yang nyata, manakala magis pula merujuk kepada peristiwa luar biasa, khususnya sesuatu yang bersifat kerohanian dan tidak dapat dibuktikan secara saintifik (Bowers, 2004). Penelitian terhadap realisme magis dalam suatu karya sastera sangat penting kerana pada dasarnya realisme magis merupakan satu cerminan atau refleksi yang nyata mengenai budaya dan sosial masyarakat. Menurut Faris & Zamora (1995), pengungkapan teks-teks realisme magis merupakan hal-hal yang tidak boleh diperkatakan dalam teks yang bersifat realisme. Hal ini demikian kerana realisme magis dalam sesuatu teks menekankan unsur magis itu sendiri dalam objek, tempat, dan orang sebagai hal yang realistik dalam sosial masyarakat (Melody, 2013). Dalam erti kata lain, unsur realisme magis ini dapat menjadi satu kiasan untuk menyatakan hal-hal yang nyata dalam kehidupan masyarakat. Perkara ini dikaitkan dengan kewujudan mitos dan lagenda dalam teks sastera Melayu sendiri yang menjadi sebagai satu cara untuk mengkritik golongan masyarakat secara halus di samping menunjukkan unsur keindahan dan hiburan kepada pembaca.

Dalam bidang kesusasteraan, penulisan karya realisme magis dilihat mengandungi aspek supernatural tetapi perkara ini hanya diakui, diterima, dan terintegrasi dalam rasionaliti dan materialiti. Penulisan cerita dengan realisme magis turut menghadirkan nilai-nilai supernatural dan fantasi seperti kejadian yang biasa terjadi dalam kehidupan seharian manusia sehingga watak-watak yang terdapat di dalam cerita tidak memiliki keanehan. Hal ini dilihat apabila masyarakat Melayu turut mempunyai kepercayaan yang kebiasaannya mempengaruhi kehidupan

seharian mereka. Sebagai contohnya, kepercayaan terhadap hantu, roh, alam ghaib, dan sebagainya. Menurut Roh (1995), realisme magis tidak hanya tampil sebagai realisme tetapi turut memperlihatkan elemen magis di dalamnya dan elemen magis ini bersifat intuitif (Melody, 2013). Selain itu, realisme magis dalam karya sastra memiliki motif tersendiri dan bersifat multi-interpretatif dalam menyampaikan mesej tersendiri. Teks realisme magis menggambarkan budaya dan kepercayaan sesuatu masyarakat di samping dijadikan sebagai salah satu kritikan sosial. Oleh yang demikian, novel *Cebisan Mantera Terakhir* (2013) dianalisis bagi mengesahkan sama ada novel ini berjaya atau tidak mencapai sebuah novel realisme magis. Justifikasi pemilihan novel *Cebisan Mantera Terakhir* (2013) sebagai bahan kajian kerana tema dan isu yang diangkat dalam karya berkaitan dengan aspek amalan perbomohan, kedukunan, pawang, santau dan amalan-amalan masyarakat Melayu yang berkaitan dengan alam ghaib.

### **Sorotan Kajian**

Kajian mengenai aspek realisme magis dalam karya pernah dilakukan oleh para sarjana. Hasanah, Subukti dan Handayani (2018) menerangkan mengenai unsur realisme magis yang dapat dikesan melalui watak-watak dalam novel yang diwujudkan untuk mengungkapkan penceritaan yang ekstrem seperti kekerasan seksual dan pembunuhan. Hasil dan pembahasan yang dilakukan melalui struktur cerita, realisme magis, dan trauma tokoh itu sendiri. Mulia (2016) pula telah memperlihatkan beberapa aspek bagi menilai unsur realisme magis yang telah diwujudkan oleh penulis karya. Unsur realisme magis ini dipaparkan melalui peristiwa, watak, perwatakan yang diwujudkan dalam karya bagi menyerlahkan jalan cerita yang berunsur mitos telah menjadi kepercayaan watak. Kajian ini dengan jelas menunjukkan nilai-nilai karya seperti isu sosial, budaya, agama dan sebagainya yang telah dikaitkan dalam konteks kepercayaan terhadap perkara-perkara mistik dalam kalangan masyarakat Jawa telah dikaitkan dengan unsur-unsur magis. Sundusiah (2015) pula telah melakukan penelitian unsur realisme magis dalam cerpen-cerpen Danarto dan novel Marquez. Hal ini demikian kerana kedua-dua karya ini telah memaparkan gaya penulisan yang berbeza kerana kelainan dalam latar budaya masyarakat, iaitu antara masyarakat Jawa dan Amerika Latin. Pemaparan latar masyarakat dalam kedua-dua karya ini jelas menunjukkan masyarakat Jawa lebih dominan kepada pola keagamaan, manakala masyarakat Amerika Latin pula memperlihatkan budaya magis yang tersendiri.

Seterusnya, Septiana, Pujiati, dan Astutiningsih (2015) telah mengkaji kemunculan unsur realisme magis dalam novel *Life of PI* dan berlakunya penghapus dunia. Analisis dapatan kajian memaparkan penceritaan yang luar biasa dengan kombinasi antara hubungan manusia dan makhluk selain manusia yang dapat berkomunikasi antara satu sama lain. Perkara ini secara tidak langsung membawa kepada unsur magis yang mewujudkan plot, latar dan watak yang luar biasa. Di samping itu, Roziah Adama dan Asmiaty Amat (2018) telah menganalisis ciri-ciri realisme magis dalam 30 buah cerpen Jasni Matlani. Prinsip "*The Irreducible Element*" telah ditekankan dalam penulisan ini dan merupakan salah satu daripada lima prinsip realisme magis yang dinyatakan oleh Faris (1995). Pengkaji-pengkaji ini telah melihat kepada dua unsur utama dalam ciri yang diteraskan dalam kajian ini, iaitu objek utama dan pemerian watak. Objek utama merangkumi unsur bunyi, tempat, dan tempat yang dilihat dalam penceritaan. Pemerian watak pula memperlihatkan perwatakan magis dalam ruang realiti yang dibangunkan oleh Jasni Matlani.

Secara tuntasnya, kajian-kajian yang telah disoroti dapat memberikan gambaran keseluruhan kajian mengenai realisme magis dalam fokus yang berbeza. Walaupun terdapat beberapa kajian yang meneliti skop yang sama, iaitu realisme magis, data atau teks kajian dan aspek kajian berbeza dengan kajian ini. Kajian ini menekankan kepada aspek-aspek struktural karya seperti watak, peristiwa, latar, dan sebagainya. Oleh itu, kajian ini didapati mempunyai perbezaan dengan kajian lalu yang telah disoroti. Kajian ini menggunakan novel *Cebisan Mantera Terakhir* (2013) dengan mengaplikasikan Teori Realisme Magis yang memaparkan kehadiran unsur-unsur magis yang berbeza dengan mengetengahkan budaya masyarakat Melayu.

## Metodologi Kajian

Kajian ini melibatkan kaedah kepustakaan, iaitu dengan mendapatkan data sekunder daripada teks kajian. Kaedah kualitatif digunakan dengan melibatkan kaedah pemerolehan data dan analisis kandungan teks. Kaedah pemerolehan data dilakukan terlebih dahulu. Data diperoleh daripada novel *Cebisan Mantera Terakhir* karya Hasanuddin Md Isa (2013) yang diterbitkan oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad (ITBM). Kemudian kaedah menganalisis data dilakukan dengan menggunakan Teori Realisme Magis oleh Faris (1995). Metodologi kajian ini dilakukan bagi mencapai objektif kajian, iaitu mengenal pasti dan menganalisis aspek realisme magis yang terdapat dalam novel *Cebisan Mantera Terakhir*. Hal ini bertujuan memperlihatkan kepengarangan pengarang novel berkaitan isu-isu realisme magis dalam masyarakat Melayu menerusi watak-watak yang terdapat dalam karya.

## Teori Realisme Magis

Menurut Faris (1995), realisme magis merupakan suatu fahaman yang menghadirkan kembali segala citra dan pengertian yang bersifat magis, mistik, atau tidak rasional yang bersumberkan karya-karya mitologis, dongeng dan cerita legenda yang hidup secara tradisional dalam kesusasteraan moden. Selain itu, Faris juga menjelaskan bahawa realisme magis yang diperkenalkan pada awal abad ke-20 bertujuan untuk menggambarkan gaya baharu, neo-realistik dalam lukis Jerman dan membawa kepada fiksyen Amerika Latin sebagai petanda yang dalam membentuk trend kontemporari dalam fiksyen antarabangsa. Magis itu kelihatan biasa apabila dijelaskan oleh pengarang dan pembaca juga meletakkan kelogikan serta tidak mempersoalkan unsur magis yang hadir. Faris (2015) telah memaparkan lima prinsip dalam melihat realisme magis dalam sesebuah karya kesusasteraan, iaitu prinsip *The Irreducible Element*, *The Phenomenal World*, *Unsettling Doubts*, *Merging Realms*, dan *Disruptions of Time, Space, and Identity*.

Ciri yang pertama ialah *The Irreducible Element* atau elemen yang tidak tereduksi menerangkan bahawa dalam realisme magis mengandungi elemen yang tidak boleh diterangkan oleh hukum akal atau lumrah alam semesta (Mohd. Haniff, 2019). Alam memaparkan banyak perkara yang tidak dapat diterangkan dengan hukum akal ataupun lumrah alam semesta. Tambahan pula, elemen magis ini dapat digolongkan ke dalam empat kelompok utama, iaitu berdasarkan objek magis, perwatakan watak, peristiwa magis, dan kepercayaan atau mitos (Mulia, 2016).

Seterusnya, *The Phenomenal World* atau dunia yang fenomenal pula menghuraikan mengenai dunia yang luar biasa yang telah mempertalikan realiti dengan fantasi secara begitu

aneh atau pelik sekali (Faris, 2004). Dunia fenomenal merupakan bahagian nyata daripada realisme magis yang menjadi bentuk fantasi dalam penceritaan yang akhirnya telah meninggalkan alam nyata, iaitu hal di dalam teks dan hal yang berdasarkan sejarah. Perkara yang dilihat nyata dalam teks dijalankan sesuai dengan pengelompokan objek dunia fenomenal, iaitu tempat, benda, waktu, watak dan peristiwa dunia fenomenal itu sendiri. Dalam dunia fenomenal, sesuatu perkara itu dilihat bersifat nyata hadir untuk mewujudkan unsur magis dalam dunia yang nyata tetapi tidak membawa kepada dunia fantasi seperti kisah fiksiyen (Mulia, 2016). Perkara ini juga dilihat melalui cerita-cerita mitos dan legenda yang menghubungkan antara cerita nyata dan rekaan sehingga melahirkan satu penceritaan yang terlihat sesuai antara dua dunia yang berbeza serta turut diterima oleh masyarakat.

Selain itu, *Unsettling Doubts* menerangkan keraguan yang tidak terjawab. Dalam hal ini menunjukkan pemahaman pembaca terhadap karya yang sangat bergantung kepada budayanya bagi membolehkannya menerima sesuatu kejadian yang meragukan itu (Faris, 2004). Perkara ini juga dikaitkan dengan kepercayaan masyarakat yang telah menjadi tradisi sejak dahulu lagi sehingga menyebabkan tiada jawapan konkrit yang boleh menjelaskan keraguan terhadap sesuatu itu. Hal ini demikian kerana bagi mengelakkan keruntuhan terhadap kepercayaan tersebut dalam masyarakat itu yang telah diamalkan dari zaman ke zaman. Kepercayaan tersebut kekal utuh dalam komuniti yang memegang erat terhadap sesuatu yang dipercayai itu dan berusaha untuk mempertahankannya dari generasi ke generasi yang baru. Oleh itu, segala pertanyaan terhadap sesuatu mengenai budaya, kepercayaan, dan adat tidak diperjelaskan dengan terperinci. Menurut Faris (2004), terdapat tiga jenis keraguan, iaitu keraguan daripada teks, keraguan daripada objek dan keraguan daripada latar budaya pembaca.

*Merging Realms* atau alam yang bercampur menjelaskan wujudnya penggabungan yang erat antara dua jenis alam, iaitu alam nyata dengan alam ghaib. Kedua-dua alam ini telah bercampur sehingga tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain (Faris, 2004). Faris juga menyatakan bahawa ciri ini memperlihatkan gabungan antara dunia magis yang berkaitan dengan kepercayaan lama dengan dunia nyata, iaitu dunia moden. Selain itu, perkara ini juga sesuai dilihat dalam pengelompokan objek, watak, dan peristiwa. Penggabungan dua dunia ini memaparkan objek yang dibatasi kepada tiga bahagian, iaitu berdasarkan kategori benda, tempat, dan waktu yang dinyatakan dalam penggabungan antara watak nyata dan magis (Sandra, 2016).

Akhir sekali, *Disruption of Time, Space, and Identity* telah memperlihatkan berlakunya gangguan dari segi masa, ruang, dan identiti di dalam karya fiksiyen. Hal dikaitkan dengan pembaca itu sendiri yang perlu mempunyai kewarasan identiti untuk menelusuri identiti watak dalam fiksiyen, memilih cerita dalam jangka masa tertentu berdasarkan kronologi, serta mencantum-cantumkan cerita yang tercerai-cerai (Faris, 2004). Kesimpulannya, Teori Realisme Magis oleh Faris (2004) yang digunakan dalam kajian ini bersesuaian dengan konteks kajian untuk mengenal pasti dan menganalisis aspek realisme magis dalam novel *Cebisan Mantera Terakhir* (2013). Analisis dalam kajian ini akan mengaplikasikan kelima-lima prinsip dalam teori tersebut.

## **Dapatan Kajian**

### **Prinsip *The Irreducible Element***

*The Irreducible Element* merupakan satu elemen yang dikatakan sebagai sesuatu elemen yang luar biasa. Hal ini adalah disebabkan sesuatu hal itu tidak dapat dibuktikan dengan logik akal manusia. Elemen yang dimaksudkan ini juga tidak dapat diterangkan menurut lumrah alam semesta kerana terdapat perbezaan daripada kebiasaan yang berlaku terhadap persekitaran kehidupan (Mohd. Haniff, 2019). Seterusnya, hal ini turut dikaitkan dengan unsur-unsur luar biasa atau ajaib yang tidak dapat diukur atau ditentukan secara saintifik dengan penggunaan sebarang alat atau teknologi. Situasi ini perlu dilihat melalui pemikiran di luar kotak manusia semata-mata. Tambahan pula, elemen tersebut tidak dapat dikesan dengan menggunakan deria manusia seperti penglihatan, pendengaran, sentuhan, dan sebagainya. Sebagai contohnya, perkara-perkara yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar seperti kewujudan Tuhan atau perkara-perkara ghaib yang hanya dapat ditentukan dengan kepercayaan individu itu terhadap perkara tersebut (Rahimah Haji A. Hamid, 2017, p. 227).

Prinsip *The Irreducible Element* dapat dilihat dalam novel yang memaparkan kelompok perwatakan watak dan objek magis. Kelompok perwatakan dalam melalui prinsip *The Irreducible Element* dapat dilihat dalam beberapa watak dalam novel ini seperti watak Jamin, Haji Samad, Resedan, Badin, Pawang Cha dan Pawang Ki. Hal ini dikaitkan dengan kuasa magis atau luar biasa itu yang dimiliki dalam jasad manusia dan bukannya diperoleh dari alam luar. Dalam masa yang sama, watak-watak yang memiliki kuasa ini juga menunjukkan kelainan dalam masyarakat itu sendiri sehingga membawa sesuatu yang janggal dalam kepercayaan.

Watak Jamin dalam novel ini merupakan seorang anak kepada pawang yang terkenal. Jamin didapati mempunyai kekuatan atau kekuasaan luar biasa yang tidak dapat dilakukan oleh watak-watak lain. Hal ini demikian kerana Jamin telah memaparkan satu perkara yang luar biasa yang tidak dapat difikirkan dengan logik akal manusia dan juga lumrah alam itu sendiri, iaitu:

Jamin berjalan pantas. Ular alir itu sudah menaikkan kepalanya. Pawang Yor dilihatnya mulai gementar. Ada kelihatan renik peluh mengalir dari dahinya. Dan ketika ular itu semalini menaikkan kepalanya, Jamin sudah sampai berhampiran ekor ular. Ekor ular yang kehitaman dan kesat itu dipegangnya dan dengan pantas direngkuh dengan kuat. Ada bunyi desisan keluar dari rongga ular itu. Ular alir itu lembik lentok. Nyata ular alir itu kehilangan upaya dan tidak sampai dua saat, ular itu lembik tidak bermaya.

(*Cebisan Mantera Terakhir*, 2013, p.138)

Berdasarkan petikan di atas, dapat dibuktikan bahawa perbuatan Jamin semasa menangkap ular berbisa tanpa sebarang alat dilihat sebagai satu yang luar biasa. Dia terpaksa melakukannya bagi mendapatkan bisa ular tersebut untuk dijadikan sebagai satu bahan santau. Ular alir merupakan seekor ular yang berbisa dan sangat berbahaya untuk manusia sehingga boleh menyebabkan kematian. Namun begitu, Jamin dapat melemahkan ular tersebut dengan hanya menarik ekor ular tersebut. Seterusnya, ular tersebut dikatakan telah lemah dan memudahkannya untuk pengambilan bisa tersebut. Perkara ini menunjukkan sesuatu yang luar biasa dengan keupayaan watak Jamin yang memaparkan perwatakan luar biasa semasa

menangkap ular yang berbisa. Hal ini merupakan satu perkara luar biasa kerana tindakan yang dilakukan oleh Jamin dianggap sebagai sesuatu yang berada diluar kebiasaan yang tidak dapat dilakukan oleh semua orang.

Prinsip *The Irreducible Element* turut memfokuskan kepada objek magis yang dapat dilihat kepada sesuatu objek yang mempunyai kuasa luar biasa. Hal ini dipaparkan dalam novel telah memperlihatkan benda atau objek magis yang telah berfungsi sebagai sesuatu benda yang mempunyai kuasa yang luar biasa, iaitu:

“Saya pun yakin dia akan selamat” kata Badin. “Arwah ayah memang memberi kami adik-beradik cincin berlian yang mampu menyerap tujuh jaluran cahaya bagi menghindari kami daripada sebarang kuasa jahat” kata Badin sambil menunjukkan sebetuk cincin di jari manis tangan kanannya.

(*Cebisan Mantera Terakhir*, 2013, p.224)

Berdasarkan petikan tersebut menggambarkan Badin mempunyai sebetuk cincin yang dikatakan dapat memberi perlindungan kepada si pemakainya. Cincin berlian tersebut mampu menyerap kuasa, iaitu tujuh jaluran cahaya yang dapat menghindari diri daripada kuasa jahat. Pawang Cha telah memberikan cincin tersebut kepada setiap anaknya, iaitu Jamin, Badin, dan Resedan bagi menjamin keselamatan anak-anaknya daripada anasir-anasir jahat. Dalam realiti, cincin merupakan satu objek yang dipakaikan di jari sebagai satu perhiasan semata-mata. Dalam konteks ini, cincin telah diberikan sifat lain seperti dapat menjaga keselamatan individu yang memakainya daripada perkara-perkara jahat. Hal ini juga dilihat sebagai satu bentuk kuasa yang luar biasa dengan adanya tujuh jaluran cahaya yang mampu memberi kuasa kepada cincin tersebut. Perkara ini dilihat sebagai sesuatu yang tidak logik dan diterima akal apabila objek realiti diberikan satu kuasa yang tidak sepatutnya muncul pada objek tersebut.

### **Prinsip *The Phenomenal World***

Prinsip *The Phenomenal World* menerangkan mengenai dunia yang luar biasa yang menjelaskan hubungan antara realiti dan fantasi atau maya. Fantasi merupakan satu imaginasi yang tidak terbatas dengan kenyataan, angan-angan, atau khayalan. Realiti adalah perkara yang nyata dalam kehidupan seharian. Bagi masyarakat Melayu, terdapat alam fantasi yang dipercayai mereka, iaitu alam ghaib yang kewujudannya ibarat khayalan tetapi diyakini. Hal ini demikian kerana alam ghaib itu sendiri bermaksud alam yang tersembunyi, iaitu alam yang tidak dapat dilihat dengan pancaindera yang diciptakan oleh Allah S.W.T. termasuklah makhluk ghaib yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar tetapi diyakini kewujudannya. Prinsip *The Phenomenal World* dalam novel ini dibahagikan kepada dua aspek, iaitu peristiwa dan benda yang ditemui dalam analisis ini.

Dalam novel *Cebisan Mantera Terakhir* (2013), beberapa peristiwa yang menunjukkan berlakunya hubungan antara dua dunia, iaitu realiti dan fantasi dapat dilihat seperti berikut, iaitu:

“Ada sedikit perubahan cuaca pada waktu itu. Jika malam itu tenang, akan berlaku keributan sedikit. Jika malam itu sejuk, akan menjadi panas seketika. Kadang-kadang ada tiupan angin meniup api lilin sehingga condong ke arah pawang. Kadang-kadang api lilin itu terpadam dan kemudian bernyala kembali”.

*(Cebisan Mantera Terakhir, 2013, p.181)*

Petikan tersebut menerangkan mengenai pelaksanaan santau yang merupakan satu pemujaan makhluk ghaib dengan secara tidak langsung terpaksa menghubungkan antara dua dunia yang berbeza. Perkara ini secara tidak langsung telah melibatkan proses pemujaan makhluk ghaib yang telah menjadi satu perhubungan antara dunia nyata dan dunia ghaib. Seterusnya, santau dapat dikesan dengan pelbagai cara dan telah membawa kepada peristiwa-peristiwa aneh dalam dunia realiti yang menunjukkan hubungannya dengan dunia fantasi atau ghaib.

Sebagai contohnya, perubahan keadaan persekitaran yang berlaku ketika pelaksanaan santau dapat dilihat melalui cuaca, objek sekeliling, dan sebagainya. Perkara ini tidak dapat diterima akal apabila terdapat perubahan drastik kepada sesuatu itu, tanpa ada sebarang petanda dan isyarat. Dalam dunia realiti, cuaca yang mendung diibaratkan sebagai satu petanda hujan akan turun pada hari tersebut. Namun begitu, perbuatan santau telah memperlihatkan kesannya yang berbeza daripada kebiasaan, iaitu berlakunya perubahan yang mendadak pada cuaca seperti keadaan yang panas terik dan tiba-tiba berlakunya hujan atau sebaliknya. Keadaan yang tenang juga bertukar secara drastik menjadi ribut pada waktu malam dan juga suhu sejuk bertukar panas seketika sebelum kembali sejuk. Keadaan ini dianggap sesuatu yang tidak normal dalam realiti. Perubahan sedemikian berlaku apabila wujudnya perhubungan antara dua dunia berbeza dan turut menjadi tanda-tanda kepada satu jelmaan daripada alam ghaib itu sendiri.

Selain itu, prinsip *The Phenomenal World* juga memaparkan petanda melalui objek yang berada di persekitaran tempat pemujaan itu. Sebagai contohnya, tiupan lilin yang mencondong ke arah pawang walaupun tiada sebarang pergerakan angin pada ketika itu dan terdapat juga api lilin yang terpadam secara sendiri dan kembali menyala tanpa bantuan sebarang alat penghidup api. Setiap kejadian yang berlaku ini mempunyai mesej yang ingin disampaikan oleh makhluk ghaib tersebut mengenai kedatangannya ke alam realiti. Perkara ini dilihat aneh atau mustahil untuk terjadi kerana memerlukan alatan yang menjadi sebarang ukuran atau petanda saintifik kepada sebab berlakunya sesuatu itu. Keadaan ini secara tidak langsung telah menunjukkan wujudnya perhubungan antara dunia luar biasa antara dunia realiti dan fantasi dan menjadi satu fenomena yang aneh dalam kehidupan. Hal ini demikian kerana kejadian-kejadian tersebut tidak dapat berlaku tanpa adanya campur tangan daripada dunia yang lain.

Ketika Pawang Tunggal menyua api ke lilin, puntung mancis pertama padam serta-merta. Pawang Tunggal menyalakan sepuntung mancis lagi. Angin menerpa kuat. Puntung mancis itu juga padam. Pawang Tunggal mengeluarkan puntung ketiga. Dihentaknya lantai rumah dengan tapak tangan kanannya. Mulutnya berkumat-kamit lagi membaca mantera. Angin tiba-tiba sahaja tenang. Dia menyalakan puntung mancis ketiga. Puntung mancis yang menyala garang itu disua ke lilin. Api lilin meliuk-liuk liat. Di bokot perbaraan, bara api di dupa ditiup perlahan-lahan. Bara kemerahan semacam ingin memarakkan api



di dupa. Bara api itu nampak semakin merah. Segera kemenyan ditabur ke bara api. Asap naik berkepul-kepul, Pawang Tunggal mengumpulkan asap kemenyan dalam genggamannya.

(*Cebisan Mantera Terakhir*, 2013, p.263-264)

Berdasarkan petikan tersebut, dapat dibuktikan dengan keadaan Pawang Tunggal yang sudah terkena perbuatan santau. Digambarkan keadaan angin di rumahnya yang sangat kuat sehingga menghalangnya untuk membakar kemenyan yang merupakan bahan dalam melakukan pemujaan. Keadaan kembali tenang secara tiba-tiba apabila Pawang Tunggal membaca mantera. Mantera merupakan satu aspek yang penting dalam melakukan sebarang pemujaan santau yang menggalakkan kepada jelmaan makhluk ghaib. Hal ini telah menunjukkan ketiadaan batas sempadan antara dua dunia tersebut. Pada masa yang sama, peristiwa yang sama juga terlihat pada watak Pawang Yorr yang sedang berlawan dengan kuasa ghaib itu. Keadaan yang digambarkan dapat dilihat adalah perubahan cuaca yang tiba-tiba daripada angin yang kuat dan kemudian disambung dengan bunyi kilat yang sambung-menyambung secara tiba-tiba sehingga terbakar rabung rumahnya itu. Namun, seketika kemudian keadaan diganti pula dengan hujan lebat. Fenomena ini menunjukkan kejadian yang aneh dan dahsyat yang berlaku dan tidak mungkin dalam dilihat dalam dunia nyata. Perkara ini merupakan satu kesan kepada upacara pemujaan yang telah dijalankan oleh pawang-pawang yang secara tidak langsung telah menghubungkan dua dunia tanpa sempadan. Gambaran ini telah menunjukkan mengenai adanya hubungan antara realiti dan fantasi dengan cara di luar logik pemikiran yang tidak mungkin terjadi tanpa dikaitkan dengan fantasi.

Fenomena aneh dan pelik memberi gambaran terhadap keadaan ketika pengubatan santau dijalankan. Dalam konteks yang sama, berlakunya kesan kepada persekitaran sesebuah kawasan sebagai satu petanda akan kewujudan makhluk ghaib di alam yang realiti. Keadaan ketika Pawang Cha mengubati Zubedah, digambarkan cuaca dingin telah berubah menjadi panas secara tiba-tiba. Kemudiannya, terdapat perkara lain yang berlaku dengan objek di sekeliling tempat tersebut yang menyebabkan bawang yang digunakan untuk pengubatan dilihat terbakar tanpa sebarang penggunaan bahan api. Seterusnya, besen yang digunakan untuk menadah air limau juga terpelanting. Jika difikirkan secara saintifik, sesebuah objek itu tidak akan statik tanpa sentuhan fizikal sebagai daya pergerakan. Perkara-perkara tersebut secara logiknya memerlukan tenaga yang cukup untuk mempengaruhi sesebuah objek. Perkara ini telah memberi petunjuk semata-mata oleh makhluk ghaib kepada si pemuja tentang kedatangannya itu. Secara tidak langsung, situasi ini menerangkan hubungan yang berlaku antara dua dunia. Hal ini telah membuktikan hubungan realiti dan fantasi yang mengalami kejadian atau peristiwa pelik atau aneh yang berlaku bagi menunjukkan kewujudan dunia fenomenal itu.

### **Prinsip *Unsettling Doubts***

Prinsip *Unsettling Doubts* ini menghuraikan tentang keraguan yang tidak terjawab yang dipengaruhi oleh faktor kefahaman budaya. Perkara ini bergantung kepada kefahaman budaya pembaca itu sendiri bagi membantu dalam memahami penceritaan teks. Dalam konteks ini, kepercayaan dan tradisi masyarakat lama amat mempengaruhi prinsip ini. Perkara ini adalah disebabkan oleh keraguan yang tercipta daripada generasi lama dan tidak diterangkan atau

dibuktikan kepada generasi baru kerana kebergantungannya terhadap kepercayaan tersebut secara turun temurun.

Dalam novel *Cebisan Melayu Teakhir* (2013), prinsip *Unsettling Doubts* yang memaparkan kepercayaan dan budaya masyarakat Melayu yang melalui peristiwa-peristiwa yang telah terjadi. Menurut kepercayaan Melayu tradisi, semangat wujud pada semua benda, sama ada benda yang hidup atau mati. Oleh itu, perbuatan sihir, santau, susuk, dan sebagainya telah wujud setelah sekian lama dan menjadi satu tradisi buat masyarakat Melayu sehingga kini. Hal ini digambarkan melalui petikan berikut:

“Memang mempunyai ciri yang sama,” akui Jamin. “Orang yang terkena santau akan menghadapi susur badan, kulit kering, bunga kuku hitam, kelesuan, batuk tanpa kahak, keguguran rambut dan ketegangan fikiran”.

(*Cebisan Mantera Terakhir*, 2013, p.176)

Petikan tersebut memperlihatkan tanda-tanda seseorang itu telah disantau, iaitu Pawang Cha. Keadaan Pawang Cha sebelum kematiannya mengalami batuk yang teruk, kehitaman pada bunga kuku dan mempunyai kulit lengan yang kering telah mengesahkan bahawa kematiannya itu adalah disebabkan santau. Perkara ini telah dikesan oleh anak-anak Pawang Cha yang telah membesar dengan tradisi turun temurun itu. Tambahan lagi, Jamin turut menyatakan tanda-tanda kesantauan yang lain seperti badan yang semakin susur, keguguran rambut dan fikiran yang tegang. Hal ini pada mulanya mungkin menimbulkan keraguan mengenai kesan-kesan terkena santau itu sendiri kerana berkemungkinan juga dilihat hanya sebagai tanda-tanda biasa sahaja. Keraguan tersebut hanya dibiarkan apabila perkara tersebut merupakan kepercayaan atau amalan tradisi yang diamalkan oleh masyarakat Melayu yang hanya dapat diketahui oleh komuniti tersebut sahaja.

Selain itu, ilmu kebomohan itu sendiri yang telah menjadi satu tradisi yang sangat kuat dalam masyarakat Melayu yang menjadi satu hubung kait yang erat dan kekal kepada generasi demi generasi walaupun telah menelesuri zaman kemodenan. Hal ini turut disokong oleh Hashim Awang (2006, p.15) yang menyatakan bahawa perbuatan sihir dikatakan lumrah dalam masyarakat tradisional dan perkhidmatan bomoh amat diperlukan untuk tujuan menyihir atau menawarkan sihir. Tradisi ini sudah menjadi satu kepastian dalam menjalani kehidupan seharian orang Melayu itu sendiri.

“Itu hanya kepada pak belang yang diburu oleh manusia,” jelas Jamin bagaikan pensyarah yang maha tahu dalam bidang yang ditanya itu. “Menurut pandangan perbomohan, apabila seekor pak belang bertembung dengan manusia, bau badan manusia itu akan menyumbat hidungnya selama seminggu. Selama seminggu itu setiap daging binatang yang ditangkap oleh pak belang itu terasa tawar. Kalau dalam masa seminggu itu, pak belang bertembung dengan manusia, pak belang akan kehilangan deria rasa dan deria bau melainkan terbau kemanisan daging manusia sahaja. Kerana itulah pak belang itu mengganas dan menangkap manusia”.

(*Cebisan Mantera Terakhir*, 2013, p.172)

Petikan tersebut menerangkan mengenai ilmu perbomohan yang berkaitan dengan alam semesta memandangkan alam merupakan satu aspek yang sangat erat dengan masyarakat Melayu. Alam turut menjadi sumber ekonomi masyarakat Melayu tradisional seperti mencari hasil hutan, menangkap ikan, memburu, dan sebagainya. Setiap binatang liar mempunyai sifat yang berbeza mengikut pandangan perbomohan Melayu. Hal ini dapat dilihat terhadap sifat beruang betina dan harimau yang diceritakan dalam novel ini. Sifat harimau lebih ganas bersama manusia berbanding beruang betina. Berbeza dengan beruang betina, harimau dapat mengesan bau manusia yang bertembung dengannya selama seminggu. Dalam tempoh tersebut juga, deria rasa dan bau harimau tersebut akan terganggu dan hanya tertumpu kepada daging manusia. Hal ini telah menyatakan punca terhadap keganasan harimau itu daripada perspektif ilmu pembomohan yang menjadi pegangan masyarakat Melayu. Malah, masyarakat pedalaman kaya dengan adat dan kepercayaan khususnya yang berkait dengan semangat alam (Nur Afifah Vanitha Abdullah, Fatimah Muhd Shukri & Nur Aifaa Nabila Mohd Rosdi, 2021). Secara tidak langsung, perkara ini telah menjelaskan keraguan yang muncul terhadap satu perkara itu diselubungi dengan keyakinan yang menebal terhadap kepercayaan atau budaya masyarakat seperti ilmu perbomohan yang telah menjadi satu tradisi dalam masyarakat Melayu.

### **Prinsip *Merging Realms***

Prinsip *Merging Realms* menjelaskan mengenai kewujudan gabungan yang erat antara dua alam, iaitu alam nyata dan alam ghaib. Alam nyata atau alam material merupakan alam yang terdiri daripada langit dan bumi serta isinya yang dapat dilihat dengan mata kasar manusia. Sebaliknya, alam ghaib pula dinyatakan sebagai alam yang wujud dalam satu ruang dan mempunyai bentuk tetapi tidak dapat dilihat dengan mata kasar (Haron Daud, 2001, p. 265). Kaitan antara kedua-dua alam ini tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain, walaupun mempunyai banyak perbezaan. Hal ini demikian kerana perhubungannya dengan kepercayaan masyarakat tradisional yang sangat kuat terhadap kewujudan alam ghaib. Alam ghaib dikaitkan dengan makhluk ghaib dalam kepercayaan warisan seperti hantu, jin, semangat, puaka, dan sebagainya dianggap sebagai kedudukannya yang tidak bercanggah atau bertentangan dengan kehendak Islam. Hal ini kerana masyarakat mempercayai bahawa makhluk-makhluk tersebut boleh membawa kepada bencana dan kebaikan kepada penghidupan manusia tetapi perlulah berusaha memahami penghubungan tersebut agar selamat dan stabil kerana melibatkan dua alam yang berbeza.

Dalam novel *Cebisan Mantera Terakhir* (2013), hubungan antara alam nyata dan alam ghaib dapat dilihat dengan jelas melalui kelompok objek ini. Hal ini dapat dilihat dalam amalan santau oleh masyarakat Melayu. Santau dikenali sebagai racun dalam masyarakat Melayu tetapi menjadi amalan tradisi digunakan untuk memenuhi kepentingan diri. Perbuatan santau dilakukan oleh bomoh, pawang, atau dukun yang selalu bergiat dalam kegiatan ini. Selain bahan zahir yang dicari sebagai ramuan santau, mantera juga telah digunakan sebagai satu bahan batin untuk melaksanakan pemujaan ketika melakukan penyantauan, iaitu memfokuskan kepada santau hikmat. Pawang yang menjalankan upacara ini akan menyeru jin tersebut untuk menurut dan taat akan perintahnya menggunakan mantera. Hal ini telah menunjukkan adanya mantera merupakan bahan batin yang digunakan sebagai satu cara untuk menghubungkan dua alam, iaitu alam nyata dan alam ghaib dan secara tidak langsung perkara ini berjaya membataskan sempadan di antaranya. Hal ini digambarkan dalam petikan berikut, iaitu:

“Untuk melaksanakan penyempurnaan racun Melayu ini, biasanya pawang akan menyediakan sirih pinang yang elok. Maksudnya sirih yang bertemu urat dan tidak dimakan ulat. Pawang juga akan menggunakan beberapa biji telur pertama ayan hitam. Bertihnya daripada padi pulut yang direndam dengan pulut. Seekor ayam hitam akan disembelih dengan sembilu buluh dan dimasak sebelah badan dan ditinggalkan sebelah badan dalam keadaan mentah. Setelah itu, lilin dihidupkan. Kemenyan dibakar dan jin pun diseru”.

*(Cebisan Mantera Terakhir, 2013, p.179)*

Petikan tersebut menerangkan mengenai penyempurnaan upacara memerlukan bahan-bahan pemujaan seperti sirih pinang, telur ayam hitam, padi pulut dan ayam hitam yang dimasak sebelah sahaja. Seterusnya, kemenyan juga akan dibakar untuk proses penyeruan jin yang merupakan makhluk daripada alam ghaib bagi meminta pertolongan dalam pelaksanaan upacara tersebut. Pemujaan ini secara tidak langsung menunjukkan hubungan antara dua alam yang dapat digabungkan dengan tujuan penyeruan makhluk daripada alam ghaib. Santau telah menjadi satu bukti yang kukuh mengenai kewujudan dalam gabungan antara alam nyata dan ghaib melalui objek yang dilihat daripada bahan-bahan membuat santau, perhubungan watak pawang secara tidak langsung telah menjadi punca kepada gabungan dua alam ini. Menurut Haron Daud (2001), santau terbahagi kepada dua bahagian, iaitu santau fizikal dan santau angin. Santau fizikal dilihat kepada penyebaran melalui sentuhan fizikal seperti meletakkan bahan santau dalam makanan atau minuman. Santau angin melibatkan makhluk halus dengan bacaan mantera lalu ditiupkan kepada mangsa.

Seterusnya, prinsip *Merging Realms* juga dapat dilihat melalui aspek watak dalam karya. Watak pawang dalam novel telah memainkan peranan yang penting. Seorang pawang telah menjadi pengantara dan penghubung antara alam ghaib dan alam nyata dengan keilmuan dan kepakaran yang dimilikinya. Perkara ini diperlihatkan melalui petikan berikut, iaitu:

“Hamat, aku rasa biarlah aku begini sahaja,” kata Pawang Tunggal. “Kalau aku sembuh pun, hidup aku sudah tidak ada apa-apa makna. Segala ilmu aku sudah tercabut. Jin dan tampilan yang menjadi sahabat aku semuanya sudah terbunuh dalam pertempuran malam semalam”.

*(Cebisan Mantera Terakhir, 2013, p.327)*

Petikan tersebut menerangkan mengenai hubungan pawang dengan makhluk ghaib secara tidak langsung memperlihatkan perhubungan makhluk daripada dua alam yang berbeza. Watak Pawang telah menerangkan kelompok watak dalam prinsip ini bagi menunjukkan hubungan antara dua alam yang berbeza. Dalam realiti, manusia dan makhluk lain yang berasal daripada alam yang berbeza pastinya sangat sukar untuk berhubung antara satu dengan lain tetapi dengan pengamalan ilmu kepawangan telah melanggar hukum alam dibuktikan dengan watak pawang yang merupakan manusia biasa dapat bersahabat dengan makhluk ghaib yang merupakan jin dan iblis. Seterusnya, hubungan ini juga dilihat sebagai dua hala, iaitu kedua-duanya mendapat kelebihan masing-masing. Jin yang diseru itu akan disuruh oleh pawang untuk menghantar santau melalui angin kepada mangsa yang dikehendaki atau melakukan pekerjaan lain dan

balasannya makhluk tersebut akan mendapat habuan yang tersendiri. Tambahan lagi, turut dinyatakan mengenai Pawang Tunggal yang dilihat patah semangat apabila pendampingnya, iaitu jin yang menjadi sahabatnya itu sudah mati akibat pertempuran dengan Jamin. Perkara ini telah menjelaskan tentang gabungan dua alam yang berbeza tanpa sempadan yang dilihat dalam watak karya.

### **Prinsip *Disruptions of Time, Space, and Identity***

Prinsip *Disruptions of Time, Space, and Identity* telah memperlihatkan berlakunya gangguan dari segi masa, ruang, dan identiti. Gangguan ini telah diketengahkan melalui gerak penceritaan dalam karya. Gangguan-gangguan yang dipaparkan dalam teks ini membuktikan bahawa wujudnya perkara aneh yang dilihat memberi kesan dalam dunia realiti tetapi perlu diselusuri bersama unsur magis dan alam ghaib. Novel *Cebisan Mantera Terakhir* (2013) juga turut memaparkan gangguan terhadap ruang, masa, dan identiti. Gangguan ruang pula terlihat kepada perbezaan dimensi yang muncul pada tempat yang tidak sepatutnya. Hal ini juga dikaitkan dengan perkaitan ruang realiti dengan ruang baru yang dianggap sebagai satu yang nyata atau khayalan semata-mata seperti ruang mimpi yang menjadi mainan tidur sahaja. Unsur magis sangat bermain dengan ruang kerana kewujudan magis di ruang nyata amatlah terbatas melainkan wujudnya ruang lain bagi melahirkan unsur magis tersebut. Ruang mimpi juga turut dialami oleh watak seperti petikan berikut, iaitu:

Satu ketika dia terdorong di satu lorong yang samar. Di hujung lorong dilihatnya segumpal cahaya membaluti satu jasad yang sedang duduk. Diamati-amatinya jasad itu. Itu Jamin. Tubuhnya yang sasa itu memang dapat dicamnya. Dia melangkah selangkah demi selangkah mendekati Jamin. Kesilauan cahaya cuba dilawannya. Matanya sakit dan berair namun azam yang kukuh yang terpacak di lubuk hati menjadi pendorongnya untuk terus melangkah. Akhirnya dia menghampiri Jamin. Namun Jamin yang duduk berteleku itu tidak memandang ke arahnya.

(*Cebisan Mantera Terakhir*, 2013, p.248)

Perkara ini dikaitkan dengan ruang mimpi yang wujud sebagai satu gangguan terhadap ruang realiti. Petikan tersebut menerangkan mimpi yang diperoleh oleh Halida yang dilihat seakan-seakan benar atau nyata. Halida telah bermimpi bertemu dengan Jamin di satu lorong yang sangat aneh. Namun begitu, gambaran yang diberikan masih dapat dibayangkan dalam keadaan yang nyata. Dalam ruang yang terbina itu, Halida dapat melihat jasad Jamin yang sedang duduk bertafakur seorang diri. Halida cuba mendekati Jamin walaupun persekitarannya terlihat aneh dengan lorong gelap dengan hanya cahaya yang menyilau. Hal ini juga menunjukkan persekitaran Halida telah mempengaruhi mimpi di mana pada saat itu keadaan yang merunsingkan terhadap Jamin membuatkan Jamin masuk ke dalam mimpi Halida. Secara tidak langsung, ruang mimpi telah menjadi satu ruang baru yang telah menjadi tempat pertemuan antara Halida dan Jamin selain di alam realiti dan seterusnya membentuk gangguan ruang yang nyata di antara mereka.

Gangguan identiti pula menjelaskan mengenai kemunculan satu identiti baru dan mempunyai sifat yang berbeza. Identiti atau keperibadian dalam masyarakat Melayu juga dapat dikesan dalam novel yang telah membentuk gangguan-gangguan terhadap watak dan perwatakan dalam novel ini. Perkara ini digambarkan dalam petikan berikut, iaitu:

Pagi itu dia perlu mendapatkan bahan-bahan asli membuat santau, fikir Jamin. Rasa kengerian menyerbu ke lubuk hatinya. Tidak pernah sebelum ini dia berfikir untuk bertindak sejauh ini. Kemudian dia tiba-tiba berasa berdosa pula kerana menghidupkan ilmu yang sepatutnya dilupakan itu. Seharusnya dia ke sini untuk mengenal pasti bahan perubatan bukan meramu santau. Sepatutnya dia ke sini untuk mencari beza rasa antara rempah gunung, teja lawang atau teja. Sepatutnya begitu. Tetapi bukankah Pawang Cha disantau?

*(Cebisan Mantera Terakhir, 2013, p.123)*

Gangguan identiti juga dapat dilihat melalui perwatakan watak yang diubah di alam realiti itu sendiri. Perkara ini menjadi gangguan apabila memberi satu watak itu berusaha untuk mengubah identitinya dan kemudian membentuk perwatakan lebih daripada satu. Hal ini dapat dibuktikan dalam petikan tersebut dengan memaparkan pendirian Jamin yang merupakan seorang anak kepada Pawang Cha yang terkenal dengan keilmuannya dalam bidang kepawangan. Dalam masa yang sama, Pawang Cha juga turut digelar sebagai mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia. Hal ini telah menonjolkan dua pendirian yang berlainan. Oleh itu, terdapat percanggahan dua identiti Jamin sewaktu perjalanan cerita. Jamin sebagai seorang anak Pawang Cha ingin melangsung hasratnya untuk menuntut bela terhadap kematian ayahnya yang disebabkan oleh santau itu. Jamin juga dikenali sebagai seorang mahasiswa pula sedang bertungkus lumus dalam menyiapkan tesis di tahun akhirnya mengenai perubatan racun Melayu.

Namun begitu, terdapat juga gangguan lain yang jelas dalam identiti watak-watak dalam novel ini terutamanya watak pawang. Hal ini demikian kerana apabila terdapatnya percanggahan yang daripada peranan yang sebenarnya. Menurut Hashim Awang (2006, p.13), ciri utama yang wajib ada pada seorang pawang ialah sifat perikemanusiaan dan bertimbang rasa khususnya peka kepada masalah yang melanda khalayak yang mendapatkan khidmat seorang pawang. Pawang yang berperanan sebagai seorang yang menjaga kebajikan masyarakat dalam kehidupan seharian telah menjadi yang sebaliknya di mana telah melakukan perbuatan yang keji. Hal ini digambarkan dalam petikan berikut, iaitu:

Rasa Kebencian tiba-tiba berbaur dengan rasa kasihan ketika melihat wajah Pawang Tunggal ini. Inilah tetamu yang menyebabkan kematian Pawang Cha, fikir Haji Samad. Inilah rakan seperguruan yang mengkhianati amanah Kiai Solehan. Inilah juga manusia yang mendabik dada akan kepandaiannya dan kemudian menganiyai setiap orang yang difikirkan punya sedikit kelebihan daripadanya. Tapi kemudian, segera dia melempar jauh-jauh dikiran jahat itu. Seorang pengamal perubatan yang mulia adalah orang yang sanggup mendamaikan hatinya sendiri dan membantu orang lain walaupun orang itu

musuhnya yang nyata. Orang yang datang meminta pertolongan mesti ditolong bantu.

*(Cebisan Mantera Terakhir, 2013, p. 333)*

Pawang Tunggal yang merupakan rakan kepada Haji Samad telah dilihat mempunyai identiti yang berbeza. Pawang Tunggal telah menyalahgunakan ilmu dan kemahirannya itu dengan menganiaya orang yang tidak bersalah. Ilmu Pawang Cha yang lebih hebat daripadanya telah menyebabkan nama Pawang Cha lebih dikenali oleh masyarakat sebagai pawang terkenal dalam pengubatan. Namun begitu, perkara ini telah menimbulkan rasa dengki dan cemburu Pawang Tunggal terhadap kelebihan yang dimiliki oleh Pawang Cha. Sikap buruk yang tidak dikawal ini telah membawa kepada tindakan kejamnya menyantau Pawang Cha sehingga menyebabkan kematian. Pada masa yang sama, Pawang Tunggal menggunakan taktik kotor memandangkan ilmu Pawang Cha lebih tinggi. Pawang Tunggal telah mengalihkan tumpuan musuhnya terlebih dahulu sebelum membuat serangan santau. Perkara ini secara tidak langsung telah menggambarkan perbuatan keji yang tidak patutnya dilakukan oleh seorang pawang yang dihormati dalam masyarakat Melayu. Tambahan pula, Pawang Tunggal turut mengamalkan ilmu yang salah dengan meminta bantuan daripada jin dan syaitan. Hal ini juga dikaitkan dengan pengaruh unsur roh, akal, dan nafsu yang memberi kesan kepada pembentukan peribadian diri seseorang. Pawang Tunggal yang tidak mengawal nafsunya dengan pengamalan ilmu dan ibadah telah membawa kepada tindakan yang buruk.

Perkara ini menunjukkan identiti yang berbeza, iaitu pawang yang sepatutnya menunjukkan kebaikan tetapi telah melakukan perbuatan yang keji secara tidak langsung memberi gangguan identiti dalam penceritaan. Oleh itu, Pawang Tunggal dilihat mempunyai gangguan kepada kepercayaannya sendiri dengan pegangan yang lemah terhadap ilmu yang dipelajarinya dalam ilmu perbomohan tersebut yang pada asalnya masih berteraskan kepada ajaran Islam. Namun begitu, gangguan kepercayaan tersebut telah membuatkan dia beralih arah dengan kebergantungannya kepada makhluk ghaib selain Allah S.W.T. Secara tidak langsung, hal ini menunjukkan gangguan identiti seorang pawang yang positif dalam pandangan masyarakat ke arah yang sebaliknya.

Gangguan masa atau waktu terlihat berdasarkan gangguan pada kronologi cerita tersebut dengan latar masa yang dipaparkan oleh penulis di mana terdapatnya penceritaan dan pencantuman cerita. Gangguan waktu dilihat pada ketetapan waktu-waktu dalam mengamalkan ilmu kepawangan perlulah dipatuhi atau tidak boleh dilanggar sebagai syarat bagi melaksanakan apa-apa perkara seperti dalam petikan berikut:

“Jika kau hendak bersama-sama aku, tunggu bulan penuh. Aaa... empat belas bulan Melayu. Waktu itu, kita mulakan kerja ini. Aku di tempat aku di sini. Kami di tempat tinggal kami. Kita sama-sama menyerang orang yang melakukan angkara itu. Aku dengan ilmu aku dan kamu dengan ilmu kamu”.

*(Cebisan Mantera Terakhir, 2013, p.105)*

Masyarakat Melayu dilihat mempunyai kepercayaan terhadap waktu menjalankan santau yang terlihat dalam petikan tersebut. Pelaksanaan perbuatan santau perlulah dilakukan pada

waktu bulan mengambang yang disebutkan juga pada empat belas haribulan Melayu. Perkara ini dikaitkan dengan rutin amalan tersebut yang tidak dapat diubah dan turut menjadi kepercayaan masyarakat. Dalam konteks ini, masyarakat Melayu mempercayai bahawa angin tidak terlalu kuat semasa bulan mengambang. Hal ini demikian kerana melakukan penyantauan dikatakan perlulah dielakkan ketika keadaan angin yang kuat bagi mengelakkan pertukaran arah angin seperti yang telah ditetapkan. Masa melepaskan santau ini selalunya pada waktu tengah malam semasa mangsa tidur lena. Mangsa, lokasi rumah, tempat, waktu tidur dan sebagainya telah dikenal pasti terlebih dahulu (Ahmad Nasir Mohd Yusoff, Nik Rosniwati Ismail & Mokhtar Kassan, 2022). Tambahan lagi, terdapat mantera-mantera yang mempunyai masa tertentu untuk dibaca bagi membuahkan hasil. Sebagai contohnya, mantera pengasih yang diberikan oleh Jamin kepada Husin Kidal bagi mendapatkan jodoh yang terbaik perlulah dibaca pada waktu pagi sahaja selama tujuh pagi. Perkara ini secara tidak langsung telah menjelaskan gangguan masa yang berlaku ketika watak-watak tersebut tidak boleh melakukan upacara. Pembacaan mantera atau juga pelaksanaan upacara santau di luar waktu yang ditetapkan akan menyebabkan berlakunya ketidakberhasilan atas perbuatan tersebut. Namun begitu, setiap masa yang ditetapkan juga mempunyai sebab-sebab tertentu dalam melaksanakan sesuatu perkara itu.

## **Kesimpulan**

Berdasarkan perbincangan tentang novel ini, maka jelaslah menunjukkan pengarang telah mengarapkan isu realisme magis dalam karya. Lima prinsip yang telah digunakan dalam analisis, iaitu *The Irreducible Element*, *The Phenomenal World*, *Unsettling Doubts*, *Merging Realms* dan *Disruption of Time, Space and Identity*. Pengaplikasian prinsip-prinsip oleh Faris (2004) telah menonjolkan perhubungan yang jelas antara unsur realiti dan unsur magis dalam amalan santau dengan adanya pembahagian kepada kelompok-kelompok tertentu, iaitu objek, peristiwa, watak, kepercayaan, teks, ruang dan masa. Gambaran realisme magis dalam novel secara tidak langsung telah merakamkan sebahagian kepercayaan dalam kehidupan masyarakat Melayu terutamanya dalam bidang perbomohan, kepawangan dan santau. Melalui pemaparan realisme magis orang Melayu ini secara tidak langsung memperlihatkan amalan dan budaya Melayu digarapkan dalam karya sastera oleh penulis hasil pengalaman hidup atau pemerhatian terhadap persekitarannya.

## **Rujukan**

- Ahmad Nasir Mohd Yusoff, Nik Rosniwati Ismail & Mokhtar Kassan. (2022). Kesan dan amalan santau dalam budaya masyarakat Nusantara. *ANP Journal of Science and Humanities*, 3 (Special Issue), 17-29
- Bowers, M. A. (2004). *Magical realism*. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Faris, W. B. (2004). *Ordinary enchantment: Magical realism and the remystification of narrative*. New York: Vanderbilt University Press.
- Faris, W. B. & Zamora, L. P. (1995). *Magical realism: Theory, history, community*. Texas: Duke University Press.



- Haron Daud. (2001). *Mantera Melayu: Analisis pemikiran*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Hasanah, F., Subekti, M., & Handayani, V.T. (2018). Makna realisme magis dalam novel *Jours De Colere* dan *Enfant Meduse* karya Sylvie Germain. *Litera*, 17(3), 316-335.
- Hasanudin Md Isa. (2013). *Cebisan mantera terakhir*. Kuala Lumpur: Institut Terjemaan & Buku Malaysia (ITBM).
- Hashim Awang. (2006). *Berkatalah bomoh Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Melody, C. (2013). *Stilistika realisme magis sebagai representasi indi poskolonial dalam novel Salman Rushdie; Midnight' Children*. Indonesia: Universitas Indonesia.
- Mohd Haniff Mohammad Yusuff. (2019). Realisme magis dalam pencerakaan Azrin Fauzi. *Selangorkini*. Dimuat turun daripada <https://selangorkini.my/2019/10/realisme-magisdalam-pencerakaan-azrin-fauzi/>
- Mulia, S. W. (2016). *Realisme magis dalam novel Simple Miracles Doa dan Arwah karya Ayu Utami*. Indonesia: Universitas Airlangga Surabaya.
- Nur Afifah Vanitha Abdullah, Fatimah Muhd Shukri & Nur Aifaa Nabila Mihd Rosdi. (2021). Hubungan alam dan manusia dalam filem Tombiruo: Penunggu Rimba (2017). *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 32(1), 105-117.
- Rahimah Haji A. Hamid. (2017). Teori Realisme Magis dalam bacaan Jogosimi. Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali (ed.), *Teori dan kaedah aplikasi dalam karya*. Kuala Lumpur: Institut Terjemaan & Buku Malaysia (ITBM).
- Roh, F. (1995). Magic Realism: Post-Expressionism (1925). In L. Zamora & W. Faris (Eds.), *Magical Realism: Theory, history, community* (pp. 15-32). New York, USA: Duke University Press. <https://doi.org/10.1515/9780822397212-003>
- Roziyah Adama & Asmiaty Amat. (2018). Elemen realisme magis yang tidak dapatdijelaskan dalam *Kumpulan Cerpen Laron* (2010) oleh Jasni Matlani. *Gendang Alam*, 8, 113-131.
- Septiana, R., Pujati, H. & Astutiningsih, I. (2015). *Life of PI: Pemunculan realism magis dan penghapusan dunia-dunia*. *Publika Budaya*, 3 (2), 12-24.
- Sundusiah, S. (2015). Memahami realisme magis Danarto dan Marquez. *Lingua*, 12(1), 123-136.